

Analisis Karya Visual dalam Pameran Gumumism 2022

Fairus Ahmad¹, Abdul Halim Husain²

¹Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Widad Universiti College, Kuantan, Pahang, Malaysia

²Pusat Pengajian Pasca Siswazah
Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

***Corresponding author: ferdyusof@yahoo.co.uk¹, abdulhalim@aswara.edu.my²**

ABSTRAK

Penyelidikan ini dibuat dengan tujuan untuk mengenalpasti identiti visual karya-karya dalam pameran Gumumism 2022. Fokus penyelidikan ini adalah untuk mendokumentasi, menganalisis dan menginterpretasi bentuk karya visual dalam ruang seni kontemporari Malaysia. Kerangka konsep yang digunakan dalam penyelidikan ini diadaptasikan daripada Erwin Panofsky dan Mulyadi Mahamood. Objektif penyelidikan adalah untuk melihat hubungkait antara bentuk fizikal karya, aspek formalistik dan konteksnya dengan perkembangan seni kontemporari Malaysia. Kaedah pengumpulan data adalah melalui pemerhatian, temu bual, dokumen dan perakaman visual. Penyelidikan ini mengaplikasi pendekatan kualitatif dengan paradigma interdisiplin. Kajian kes dijadikan sebagai reka bentuk dalam penyelidikan ini. Perolehan data-data daripada penyelidikan ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan model interaktif Miles dan Huberman. Dapatan hasil daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa karya-karya visual yang dihasilkan oleh pelukis yang terlibat dalam pameran Gumumism melalui ungkapan visual yang berbeza. Sebagai pelukis dalam era seni kontempori Malaysia yang konsisten menentang pelbagai media dan proses berkarya, mereka telah membentuk identiti dalam budaya persekitaran seni semasa. Penyelidikan ini telah membuka kefahaman seni dan jati diri melalui penghasilan karya seni visual.

Kata kunci: Identiti, Gumumism, Seni Kontemporari Malaysia

ABSTRACT

This research was done with the aim of identifying the visual identity of the works in the 2022 Gumumism exhibition. The focus of this research is to document, analyze and interpret the forms of visual works in the Malaysian contemporary art space. The conceptual framework used in this research was adapted from Erwin Panofsky and Mulyadi Mahamood. The objective of the research is to see the relationship between the physical form of the work, the formalistic aspects and its context with the development of contemporary Malaysian art. Methods of data collection were through observations, interviews, documents and visual recordings. This research applies a qualitative approach with an interdisciplinary paradigm. A case study was used as the design in this research. The data acquisition from this research was analyzed using Miles and Huberman interactive model approach. The findings of this research indicate that the visual works produced by the artists involved in the Gumumism exhibition are through different visual expressions. As artists in the Malaysian contemporary art era who consistently highlight various media and creative processes, they have formed an identity in the culture of the current art environment. This research has opened up the understanding of art and identity through the production of visual artwork.

Keywords: identity, Gumumism, Malaysian contemporary art

1.0 PENGENALAN

Seni visual adalah bidang yang telah wujud sejak manusia mula-mula berada di muka bumi ini. Mohd Nasir Ibrahim (2015) melihat seni merupakan suatu bidang yang tidak pesat membangun berbanding dengan bidang-bidang lain jika dilihat dalam sudut penyelidikan ilmiah. Hal ini menyebabkan penyelidikan seni secara saintifik harus dipraktikkan dan dimurnikan dan direalisasikan seiring dengan perkembangan seni kontemporari dalam era globalisasi. Penyelidikan ini adalah untuk melihat dengan lebih dekat perspektif sebuah pameran seni Gumumism dalam konteks seni lukis kontemporari Malaysia. Pelbagai bentuk sumber data yang boleh diperolehi daripada pameran ini dalam bentuk pengumpulan data karya, lakaran sehingga kepada proses temubual yang direkodkan serta didokumentasikan sebagai asas kepada proses penyelidikan visual secara saintifik berasaskan kepada program Kem Seni Gumumism yang telah dipraktikkan pada tahun 2019. Dalam sistem sosial manusia, segala bentuk keperluan mencipta sejarah adalah melalui pelbagai aktiviti budaya dan kesenian selain politik, ekonomi juga pembinaan sistem masyarakat yang membawa kepada kepentingan seorang seniman dalam penghasilan kerja seninya. Wolff (1993) berpendapat ekspresi seniman adalah perwakilan kepada sebuah sistem kreatif yang dibina dalam kelompok masyarakat sosial.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Seniman dan masyarakat akan saling berinteraksi dan berlaku disebabkan oleh pengaruh persekitaran yang mewujudkan menafsiran dalam bentuk yang tersendiri sehingga membina suatu konsep asas tingkahlaku seorang seniman dalam proses penciptaan karya seni. Kematangan seorang seniman dalam berkarya mampu mencipta keadaan persekitaran hidup mereka. Pengembaraan para pelukis Gumumism di Tasik Chini dihidangkan dengan kerangsangan sistem biologi kehidupan akuatik serba mencabar minda sebagai seorang seniman kepada persekitaran dengan tujuan mewujudkan intipati dan budaya yang telah berkurun hidup di persekitaran Tasik Chini.

Identiti mencipta jatidiri dan nilai kesatuan dalam membina sebuah masyarakat. Penjelasan kepada identiti dikatakan sebagai suatu ciptaan budaya milik bersama dimana nilai persamaan sendiri itu boleh dikongsi bersama bersama orang lain dalam sebuah kelompok masyarakat yang sudah memiliki sejarah dan asal usul yang sama. Zakaria Ali (1989), meletakkan bahawa identiti ialah suatu gabungan nilai, keserupaan dan dalam keadaan kesamaan. Gagasan seorang individu yang mempunyai elemen-elemen tertentu seperti warna kulit, rupa paras, agama, bahasa dan lain-lain hal perkara yang menjadi tunjang kehidupan ini diletakkan sebagai sebuah nilai. Masyarakat digambarkan sebagai suatu kesinambungan kepada asas pengalaman-pengalaman dalam kehidupan yang diamalkan secara bersama dalam keadaan takrifnya (Stuart H., 1990).

Pendapat oleh Jakob Sumardjo (2000) dengan melihat bahawa manusia menciptakan sesuatu bukan dari kekosongan. Manusia menciptakan sesuatu dari sesuatu yang telah ada sebelumnya. Ini dianggap sebagai tradisi apabila setiap seniman menjadi kreatif dan berintelektual kerana bertolak dari bahan yang telah tercipta sebelumnya. Keperluan berbudaya atau integratif

yang wujud berasaskan dorongan di dalam sendiri manusia yang secara asasnya mahu memanesfestasikan kewujudannaya dalam kelompok kebudayannya sendiri. Proses ekspresi diri seorang seniman secara estetik merupakan tuntutan dalam keperluan asas manusia. Pameran Gumumism telah menyerlahkan daya kreatif yang tinggi dalam mengangkat identiti seorang seniman yang berpengalaman luas dalam seni visual. Mereka menjumpai pelbagai entiti budaya persekitaraan dalam struktur biologi dan kemanusiaan yang kaya dalam sejarah sosiabudaya.


Tanggapan kesenian dalam institusi sosial, yang menekankan aktiviti penting terhadap pengurusan seni masyarakat, dimana mereka mengutamakan nilai-nilai budaya tempat seni dan agama berada di ruang sfera lebih tinggi. Pengiktirafan khas terhadap pembentukan seni antara rangkaian campuran hubungan sosial dan budaya melalui struktur kesenian yang tidak dicorakkan dalam interaksi institusi sosial yang lain. Kesenambungan budaya adalah ciri-ciri yang berlandaskan kepada kesenian untuk terus hidup manakala ciri-ciri perubahan dianggap sebagai penyesuaian oleh keadaan semasa. Identiti adalah bersifat kepada suatu nilai yang beridentiti tanpa dipengaruhi oleh unsur luaran dan dipertahan dengan pengekalan bentuk ciri-ciri kesenian berasaskan kelompok masyarakat itu sendiri. Pameran ini telah merentas kepada pembinaan corak pemikiran global dengan melihat identiti yang digubah seperti menonjolkan kesinambungan, perubahan dan pengekalan kebudayaan sebagai ciri-ciri kesenian yang dipengaruhi oleh perkembangan budaya kepada suatu sistem yang progresif dan dinamik. Perubahan dalam budaya akan berlaku apabila keadaan memerlukan atau disebabkan oleh perubahan kesenian, samada akan wujud budaya lain yang lebih baik secara langsung atau sebaliknya, atau ia muncul dalam budaya itu sendiri.

3.0 METODOLOGI

Penyelidikan ini dimodelkan berasaskan paradigma kualitatif dengan melihat kepada pendekatan interdisiplin melalui kaedah temu bual, pemerhatian yang mendalam, serta menganalisis karya seni visual dalam pendekatan pelbagai media. Pendekatan kualitatif adalah suatu keberhasilan kepada kaedah penyelidikan yang tidak diolah secara digital atau aturan matematik malah ia dipersembahkan kepada suatu penyampaian pengetahuan atau ekspresi dimana segala data yang diperolehi melalui pendekatan informan, dan dilihat mendasari kepada metodologi kualitatif yang juga merupakan proses penyelidikan juga kefahaman dengan bertunjangkan kepada kaedah penyelidikan suatu tentang fenomena sosial dan masalah manusia (Abdul Halim Husain 2007). Lee Keok Cheong et al. (2018) melihat bahawa penyelidikan kualitatif dianggap sebagai pendekatan interpretatif. Ia adalah merujuk tentang penyelidikan sosial yang bersifat kualitatif dengan menggunakan metodologi temubual tidak berstruktur atau participant. Ini menunjukkan bahawa ia bersifat interpretivis dengan memahami tindakan manusia, kita perlu mempunyai pemahaman empati; *“we need to see the world through the eyes of the actors doing the acting”*.

Kaedah teoritikal dalam penyelidikan ini adalah melalui pendekatan interdisiplin (interdisciplinary approach). Pendekatan interdisiplin yang menggunakan kaedah gabungan antara kesatuan sistem penjelasan yang meliputi pelbagai konsep yang bersesuaian dengan pelbagai cabang bidang ilmu dengan tujuan untuk memahami dan menjelaskan suatu permasalahan yang sukar dalam penyelidikan seni (Rohidi, 2000). Konsep penyelidikan ini adalah gabungan antara adaptasi konsep kesatuan seni Erwin Panofsky (1972) dan konsep seni moden Malaysia Muliyadi Mahamood (2007) (Rajah 1). Disebabkan kerana hal kesenian berada dalam

kedudukan sistem yang kukuh bersama konsep-konsepnya tersendiri, maka melalui pendekatan seni kontemporari Malaysia, pengkaji ingin mengungkap, memahami dan menjelaskan; bentuk, makna serta identiti karya visual Malaysia yang dihasilkan melalui pameran Gumumism.



Rajah 1. Kerangka Konsep Gabungan Adaptasi Model Apresiasi Erwin Panofsky (1955) Dan Konsep Seni Moden Malaysia Muliyadi Mahamood (2007).


Keperluan dalam konteks perkembangan seni Malaysia dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama sebagai kecenderungan pelukis yang memenuhi tuntutan keperluan sosiologi untuk diri sendiri sebagai seorang seniman, kedua, keperluan ekonomi untuk saran hidup dan ketiga, keperluan budaya iaitu kecenderungan terhadap penonjolan budaya dalam masyarakat. Abdul Halim (2007) telah berpendapat bahawa setiap individu manusia di dalam kelompok masyarakat yang berbudaya sentiasa ingin menunjukkan kewujudannya di dalam alam ini. Disamping itu juga ianya ingin menunjukkan dirinya sebagai individu manusia yang bertamadun. Pemaparan bentuk-bentuk karya seninya secara fizikal memperlihatkan dan memperjelaskan identiti individu dalam kelompok masyarakat berasaskan kebudayaan yang diwakilinya. Keperluan berekspresi secara estetik, menyerap sepenuhnya dalam keperluan-keperluan kegiatan lainnya. Dengan rasa diri untuk berkarya dan berkesenian, individu tersebut juga akan cuba memenuhi keperluan social kearah kehidupan bermasyarakat dan juga melaksanakan tanggungjawabnya sebagai ahli masyarakat yang berbudaya.

Elemen utama dalam pembentukan budaya masyarakat adalah revolusi teknologi yang dilihat sebagai sebuah aspek perkembangan cara hidup manusia. Teknologi diciptakan pada hakikatnya, bermula sejak dahulu hingga kini bertujuan untuk memberi dan membantu kesenangan dalam pelbagai aspek kehidupan, samada pada ketika manusia bekerja, berkomunikasi, sehingga kepada untuk mengatasi pelbagai persoalan sukar yang wujud dalam masyarakat. Manusia menawarkan cara-cara baru di dalam membantu dan mempermudah melakukan aktiviti-aktiviti melalui teknologi sehingga mampu mempengaruhi budaya masyarakat yang sudah wujud sebelumnya.

4.0 PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI PENYELIDIKAN

4.1 Reka Bentuk Penyelidikan Dalam Pendekatan Interdisplin

Penyelidikan ini berteraskan format model apresiasi seni oleh E. B. Feldman yang telah menggariskan empat proses iaitu 1. Diskripsi, 2. Analisis, 3. Interpretasi dan 4. Penilaian (lihat Rajah 2. Reka Bentuk Penyelidikan Mengikut Model Apresiasi Oleh E. B. Feldman (1992).



Rajah 2. Reka Bentuk Penyelidikan Model Apresiasi E. B. Feldman (1992).

Penyelidikan berpaksikan kualitatif sesuai diadaptasikan dalam bidang seni visual kerana keutamaan proses yang bersifat *naturalistic* melalui kaedah pengumpulan data dan maklumat bertujuan mencari ‘makna’ melalui hasil kerja lapangan serta sangat bersesuaian dalam konteks pertumbuhan dan perkembangan seni itu sendiri secara semulajadi apabila sifat simbol dan ekspresi itu yang harus dikaji serta diperhalusi bagi mencari bentuk dan makna. Penyelidik menyusun reka bentuk kajian secara berterusan dan disesuaikan dengan kenyataan lapangan. Melalui penyelidikan ini, keseluruhan paradigm pemikiran diolah dengan pendekatan kebudayaan untuk menyelesaikan persoalan kajian dengan mengenal pasti ciri-ciri penyelidikan kualitatif yang akan menjadi reka bentuk utama sebagai kaedah penyelesaian permasalahan.

4.2 Pengumpulan Data

Dalam penyelidikan ini, data-data akan dikumpulkan melalui kaedah-kaedah yang tersenarai di bawah (lihat Jadual 1. Kaedah Pengumpulan Data Berasaskan Objektif, Konsep, Kaedah dan Subjek. Kaedah analisis karya dan analisis dokumen digunakan dalam penyelidikan ini. Data-data yang dikumpulkan merujuk kepada berikut:

Jadual 1. Kaedah Pengumpulan Data Objektif, Konsep, Kaedah dan Subjek.

Bil	Objektif	Konsep	Kaedah	Subjek	Kumpulan Data
1.	Menganalisis citra karya yang diolah dalam pameran Gumumism.	Deskripsi Pra-Ikonografi	1. Analisis Karya	1. Karya Visual Media Baru	1. Bahan 2. Teknik 3. Saiz 4. Persembahan
2.	Mengenalpasti subjek dan ikon yang dipersembahkan dalam karya.	Analisis Ikonografi	1. Analisis Karya 2. Dokumen	1. Karya Visual Media Baru 2. Dokumen	1. Unsur seni 2. Prinsip Rekaan 3. Tema
3.	Menilai dan memahami makna serta simbol yang mempunyai kaitan rapat dengan sistem sosiobudaya tempatan dalam institusi sosial.	Interpretasi Ikonografi	1. Analisis karya 2. Analisis Dokumen	1. Karya Visual Media Baru 2. Dokumen	1. Perilaku 2. Nilai 3. Persekitaraan 4. Keperluan 5. Teknologi
4.	Peranan dan kepentingan media baru membentuk institusi sosial dalam konteks Seni Kontemporari Malaysia.	1. Perilaku 2. Nilai 3. Persekitaraan 4. Keperluan 5. Teknologi	1. Analisis Dokumen	1. Dokumen	

4.3 Analisis Karya Visual Pelukis

Berdasarkan penyelidikan menerusi karya, penampilan keseluruhan bentuk telah dihasilkan adalah bersifat tertib. Pelukis boleh menguasai pengolahan bahasa tampak penuh berdisiplin. Pengolahan ruang persembahan karya yang bebas dalam pelbagai tema, pelukis telah berjaya mengolah bahasa tampak yang dapat difahami bersama dalam konteks penyampaian makna melalui karya visual.

Melalui dapatan analisis terhadap struktur berdasarkan persembahan karya-karya visual pelukis, dapat digambarkan kepelbagaian bentuk yang wujud serta unik dalam menampilkan identiti bentuk yang tersendiri dan berjaya mengolah struktur bentuk dengan kekuatan bahasa tampak berasaskan objek budaya tempatan. Keunikan dalam penzahirkan bentuk ini wujud kerana kepekaan pelukis terhadap objek semulajadi, sifat dan inti pati dalaman objek yang mewakili entiti budaya semasa. Para pelukis juga bijak mengolah bentuk karya secara dinamik dan bersesuaian dengan gaya penampilan moden serta kontemporari. Persoalan sosiobudaya masyarakat tempatan, kepekaan terhadap bahan, teknik dan karektornya, kesemuanya digabungkan sehingga mereka boleh menzahirkan identiti tersendiri tanpa memaparkan bentuk yang luar daripada ruang lingkup budaya tempatan. Penggabungan antara elemen nilai tradisi dan pengetahuan seni kontemporari telah berlaku melalui penampilan karya-karya berasaskan struktur bentuk kontemporari.

Jadual 2. Analisis Keseluruhan Struktur Rupa Bentuk Karya Visual.

Bil.	Tajuk	Pelukis	Petunjuk Rupa Bentuk
1.	Bersendiri	Abdul Raoof Ali	Susunan Berstruktur, Bentuk, Berjalanan
2.	Berdiri Aku Disebalik Hijau Menguning	Abu Jalal Sarimon	Susunan Berstruktur, Rupa Berjalanan, Buatan Sedia Ada, Warna Dinamik
3.	Reflection3	Arif Datoem	Berstruktur, Buatan Sedia Ada, Ruang, Berjalanan, Warna Dinamik
4.	Naga Belaan	Rosli Zakaria	Ruang, Susunan Berstruktur, Berat
5.	The Golden Ages	Fairus Ahmad Yusof	Susunan Berstruktur, Rupa Berjalanan

Bentuk fizikal di dalam karya pelukis telah diolah seakan mencabar minda kreativiti dengan mewujudkan bentuk tidak padu (*spatial*). Prinsip rekaan seperti kesatuan, harmoni dan imbangannya begitu jelas diutamakan di dalam setiap karya mereka. Pemerhatian utama di dalam karya pelukis adalah melalui penekanan pemaparan bentuk fizikal. Kejelasan olahan unsur dan prinsip rekaan dalam karya sedia ada sering muncul dan digunakan dalam proses pengkaryaan.

Keseluruhan karya Pameran Gumumism dianalisis dalam pendekatan intraestetik boleh diringkaskan dengan merujuk kepada Jadual 4. (Petunjuk Intraestetik Karya Visual).

Jadual 4. Petunjuk Intraestetik Karya Visual.

Petunjuk		Petunjuk			
Diskripsi	Teknik	Bahan	Saiz	Hal Benda	Persembahan
Analisis Formalistik	Rupa	Garisan	Bentuk	Jalinan	Warna
	Harmoni	Ruang	Kesatuan	Kontra	Kepelbagaian
	Pergerakan	Imbangan			
Interpretasi	Ekspresi Diri	Kemanusiaan	Budaya	Persekitaran	Saintifik
	Sejarah	Politik			

4.4 Penjelasan Kerangka Konsep Ekstraestetik Karya Visual Pameran Gumumism

Penjelasan bertumpu kepada empat perkara merangkumi aspek pendekatan ikon, simbol, rupa bentuk dan makna interaksi simbolik. Keseluruhan citra idea karya tersebut akan diberi kaitan dengan konsep nilai, persekitaran, perilaku, teknologi dan keperluan (lihat Jadual 5. Petunjuk Ekstraestetik Dalam Karya Visual).

Jadual 5. Petunjuk Ekstraestetik Dalam Karya Visual.

Aspek	Petunjuk			
Pendekatan	Realist	Semi Abstrak	Seni Pop	Minimal
Ikon	Abstrak			
Simbol	Sejarah	Budaya	Ekspresi Diri	Teknologi
Rupa Bentuk	Berstruktur	Organik / Bebas	<i>Hard Edge</i>	Mikro
Makna Interaksi Simbolik	1. Alam Fizikal	2. Ketuhanan	3. Sesama Manusia	4. Diri Peribadi
	5. Karya Manusia			

5.0 KESIMPULAN

Penyelidikan ini dapat disimpulkan dengan tujuan untuk memperjelaskan dan memahami berkenaan apresiasi seni visual dalam konteks seni kontemporari Malaysia. Melalui rujukan konsep apresiasi seni dan seni kontemporari Malaysia, dapat disimpulkan bahawa keseluruhan karya visual yang direpresentasi oleh pelukis banyak dipengaruhi oleh cara budaya hidup dan pemikiran melalui proses ekspedisi dan program Gumumism yang dilaksanakan. Menyuburkan karya-karya visual bersifat kontemporari dengan keupayaan dan keberanian para pelukis menginspirasi nilai tradisi dan tempatan diadaptasikan dengan cara fikir yang bersifat intelektual dengan idea berasaskan identiti nasional dan antarabangsa. Mereka terus

menyumbang kearah kelestarian intelek peradaban seni konrtemporari di Malaysia dalam cabaran bentuk baru dengan memperbaharui penggunaan pelbagai media.

Citra kreatif dalam membina alam sosial tempatan yang dibawa oleh pelukis yang terlibat dalam program Gumumism telah memberikan kesinambungan intelektualiti dan semangat gagasan sezaman. Refleksi imej-imej terhadap alam sekitar yang wujud di Tasik Chini telah dipakejkan dengan serangkaian kompleksiti pemikiran intelektual dapat dipraktik dalam budaya semasa sekaligus mempertajamkan kearifan bahasa visual melalui pelbagai bahasa media dalam proses berkarya. Seni dan masyarakat menurut Muliyadi Mahamood (1995) dengan melihat ke arah dan tujuan sesuatu itu mesti dipatuhi dengan melihat kedudukan seni dalam masyarakat itu kita harus difahami corak perkembangan sebuah masyarakat dan cuba untuk mengetahui dengan sebaiknya. Kita terus berfikir dengan kenyataan Badrolhisham Mohamad Tahir (1999), tentang estetik, seni, dan kerukunan suatu nilai institusi sosial apabila sesuatu bentuk yang biasa kita mungkin tidak biasa bagi orang lain. Hal inilah yang dikatakan oleg Gadamer sebagai *aesthetic differentiation*; perkongsian sesuatu yang mewakili iaitu objek tidak akan hilang dari pandangan jasadnya, malah berkongsi pula dengan pandangan fikiran kita. Perkongsian ini adalah sebahagian daripada sifat alam.

RUJUKAN

Abdul Halim Husain. (2014). *Seni, Pendidikan dan Kebudayaan: Kumpulan Artikel Bunga Rampai*. Tanjong Malim: Penerbit Malim Sarjana.

Abdul Halim Husain. (2008). *Identiti Visual Seni Arca Moden Malaysia dalam Konteks Kebudayaan*. Tesis PhD. Yang tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Aziz Deraman. (2001). *Masyarakat dan kebudayaan malaysia*. Kuala Lumpur: DBP.

Badolhisham Mohamad Tahir. (1999, April). *Terang Gelap Penerokaan Dalam Diri*. Dewan Budaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. P.64.

Gadamer, H. G. (1986). *The Relevance of the Beautiful and Other Essays*. London: Cambridge University Press.

Gumumism 2022, Seni Antarabangsa@Tasik Chini, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Huberman, M., & Miles, M. B. (1992). *Analisis Data Kualitatif*. Jakarta: Universitas Indonesia.

Jakob Sumardjo. (2000). *Filasafat Seni*. Bandung: Penerbit ITB.

Koentjaraningrat, (2000). *Kebudayaan mentalitas dan pembangunan*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

Muliyadi Mahamood. (1994, Julai). *Azman Hilmi Simbol Ekspresi Watak*. Dewan Budaya, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muliyadi Mahamood. (1995). *Seni Lukis dalam Peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Hanim Mohamed Khairuddin. (2014). *Localized / Globalized: An Overview of Contemporary Art in Malaysia. Malaysia Eye: Contemporary Malaysian Art*. Milano: Skira Editore.

Ocvirk, O. (2009). *Art fundamentals: Theory and practice (11th ed.)*. New York: McGraw-Hill Higher Education.

Panofsky, E. (1972). *Studies In Iconology: Humanistic Theme In The Art Of The Renaissance*. New York. Harper & Row Publisher.

Piliang, Y. A. (2002). *Identitas dan Budaya Massa: Aspek-Aspek Seni Visual di Indonesia*. Yogyakarta: Yayasan Seni Cemeti.

Tajuddin Ismail. (1994). *Katalog Malaysian Art Open '94* (14 Oktober – 6 November 1994). Kuala Lumpur: Petronas & Art Salon.

Tjetjep Rohendi Rohidi, Abdul Halim Husin (2015). *Metodologi Penyelidikan Seni*. Tanjung Malim: Penerbitan Malim Sarjana.

Tuner. J. H.. (1998). *The Structure of Sociology*. London: Wadsworth Publishing Company.

Zakaria Ali (1995, September), *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zanita Anuar. (1999). *Sejarah – Antara Bakat Dan Hakikat*. Katalog Imbasan Bakat Muda Sezaman. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.